



POLISI RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD
(Co. No: 199101001452 (211763-P))

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	3
2. TUJUAN	3
3. PEMAKAIAN	4
4. TAKRIFAN.....	4
5. PERNYATAAN DASAR.....	5
6. PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW).....	6
7. PROSEDUR PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN RUJUKAN.....	7
8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	10
9. PENUTUP	11
CARTA ALIRAN PROSEDUR PENGURUSAN PENDEDAHAN DI BAWAH POLISI RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA.....	12

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) telah memperkenalkan saluran aduan seperti Saluran Pemberian Maklumat (Whistle Blowing Channel) bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan kepada IWK. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan IWK untuk melapor kepada pihak berkuasa yang berkaitan apabila wujudnya pelanggaran undang-undang yang melibatkan mana-mana kakitangan/pihak ketiga.
- 1.2 Susulan itu, orang ramai sentiasa digalakkan untuk berani dan tampil sebagai pemberi maklumat bagi membuat pendedahan kelakuan tidak wajar (KTW) yang berlaku di dalam IWK. Bagi tujuan tersebut, Polisi ini dirangka untuk memberikan kesedaran dan kefahaman tentang perlindungan kepada pemberi maklumat dan memudahcara proses membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan berkaitan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- 1.3 IWK bukanlah agensi penguatkuasaan kerana tidak mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah undang-undang bertulis. Justeru, perlindungan pemberi maklumat di IWK tidak boleh dibuat mengikut ketetapan undang- undang di bawah Akta 711 tetapi dibuat mengikut ketetapan Polisi ini.

2. TUJUAN

Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- 2.1 Untuk menzahirkan komitmen organisasi dalam usaha pencegahan rasuah dan jenayah lain disampaikan dengan betul dan jelas kepada semua kakitangan/pihak ketiga.
- 2.2 Untuk memudahkan pendedahan dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan mengikut prosedur dalaman.
- 2.3 Untuk menangani sesuatu pendedahan dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, ianya akan diberi keutamaan mengikut sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan dan magnitud akibat atau kesan dari pendedahan ini.
- 2.4 Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan.

Pemberi Maklumat akan diberitahu tentang status pendedahan beliau. Pesalah tersebut juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja.

2.5 Untuk memelihara kerahsiaan maklumat sulit dan memudahcara pemberi maklumat dalam membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai dan tidak terhad kepada:

- i) Semua kakitangan tetap IWK;
- ii) Semua kakitangan sementara/pelatih disangkut di IWK;
- iii) Kontraktor dan sub-kontraktor;
- iv) Ejen Pemungut Hutang/Debt Collection Agency (DCA);
- v) Konsultan;
- vi) Pelanggan;
- vii) Pembekal; dan
- viii) Mana-mana pihak yang berkepentingan dan orang awam

4. TAKRIFAN

Pemberi Maklumat

Mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan (rujuk tafsiran “agensi penguatkuasaan” di bawah Seksyen 2, Akta 711) termasuk warga IWK.

Warga IWK

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di IWK sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga IWK juga termasuk ahli lembaga pengarah atau syarikat di bawah IWK.

Kelakuan tidak wajar (KTW)

Apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tata tertib (rujuk tafsiran “kesalahan tata tertib” di bawah Seksyen 2, Akta 711) atau kesalahan jenayah.

Maklumat sulit

“Maklumat sulit” termasuklah:

- i. Maklumat tentang identiti, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya —
 - a. seseorang pemberi maklumat; dan
 - b. seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- ii. Maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- iii. Maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

Pegawai diberi kuasa

Bagi maksud pelaksanaan Polisi ini pegawai diberi kuasa adalah pegawai dari Unit Integriti & Governans (IGU), IWK.

Jawatankuasa Ahli Lembaga Pengarah Integriti & Governans (BIGC)

Jawatankuasa Ahli Lembaga Pengarah Integriti & Governans adalah satu Jawatankuasa Pengarah di mana ahlinya adalah dari anggota Lembaga Pengarah IWK untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang digariskan di bawah terma rujukan BIGC.

5. PERNYATAAN DASAR

- 5.1 Polisi ini **hanya terpakai** bagi pendedahan KTW berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana warga IWK telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu **kesalahan jenayah** di bawah undang-undang.

- 5.2 Polisi ini **tidak terpakai** bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana- mana warga IWK jika terbukti menjadi suatu **kesalahan tatatertib** di IWK yang bukan bersifat kesalahan jenayah.

6. PENGURUSAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)

6.1 Kesalahan Tatatertib

- 6.1.1 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan tatatertib akan diuruskan berdasarkan Polisi Pendedahan Maklumat IWK.
- 6.1.2 Pegawai penyiasat yang terlibat dalam siasatan bertanggungjawab merahsiakan dan memberi perlindungan maklumat yang diperolehi dalam pelaksanaan tugas. Mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati membocorkan butiran aduan dan hasil siasatan kepada pihak ketiga.

6.2 Kesalahan Jenayah

- 6.2.1 Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan KTW berkaitan kesalahan jenayah akan diuruskan berdasarkan Polisi ini. Pemberi maklumat boleh memaklumkan kepada pegawai di IGU IWK melalui Saluran Pendedahan Maklumat IWK di Seksyen 8 Pertanyaan dan Pelaporan.
- 6.2.2 Sekiranya ada pendedahan KTW, pegawai IGU perlu memaklumkan kepada pemberi maklumat berkaitan peruntukan undang-undang termasuk perlindungan di bawah Akta 711.
- 6.2.3 Sekiranya pemberi maklumat bersetuju untuk membuat pendedahan KTW, pegawai IGU akan memudahcara pendedahan KTW dengan merujuk pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.
- 6.2.4 Pendedahan KTW boleh dibuat secara lisan atau bertulis dengan syarat bahawa pegawai IGU, apabila diterimanya apa-apa pendedahan yang dibuat secara lisan, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, mengubahnya ke dalam bentuk bertulis.

6.2.5 Sekiranya pendedahan KTW telah dibuat kepada pegawai IGU, maka pegawai diberi kuasa tersebut juga mendapat perlindungan maklumat sulit di bawah Akta 711.

7. PROSEDUR PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN RUJUKAN

7.1 Pada amnya, semua Pendedahan mengikut Polisi ini harus dibuat kepada Pegawai IGU (rujuk Carta Aliran di Jadual 1). Pegawai IGU adalah Pegawai Siasatan (Seksyen Aduan dan Pengesanan & Pengesanan) IGU, IWK.

7.2 Pendedahan Awal

7.2.1 Pendedahan awal boleh disalurkan melalui Saluran Pendedahan Maklumat IWK (Whistle Blowing Channel) seperti di pereggan 6.2.1.

7.2.2 Bagi aduan yang dibuat secara bersemuka, Pegawai IGU akan menulis Pendedahan yang dibuat secara lisan tersebut dan Pemberi Maklumat akan mengesahkannya. Sejauh mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah, Pendedahan tersebut akan dibuat di mana-mana tempat yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh Pegawai IGU.

7.2.3 Bagi Pendedahan yang dibuat secara e-mel, sistem aduan integriti dan surat, pengendalian dan akses kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan hanya oleh Pegawai IGU.

7.2.1 Satu Pendedahan harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti yang berikut:

(a) Warga IWK: nama, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi;

(b) Bukan warga IWK: nama, nama majikan/tempat bekerja, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.

7.2.5 Alasan munasabah untuk laporan tersebut termasuk sebanyak mungkin maklumat kesalahan, contohnya, jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian dan identiti pesalah;

7.2.6 Maklumat-maklumat saksi (jika ada); dan

7.2.7 Maklumat atau dengan menunjukkan bukti dokumen (jika ada).

- 7.3 Pemberi Maklumat mungkin diminta untuk tampil secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan maklumat atau keterangan lanjut sekiranya Pendedahan yang diberikan olehnya perlu disiasat dengan lebih lanjut.
- 7.4 Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan
- 7.4.1 Pegawai IGU akan menapis dan menilai sesuatu maklumat/ Pendedahan itu untuk memastikan samada maklumat / Pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas sebagaimana di perenggan 7.2.4, 7.2.5, 7.2.6 dan 7.2.7 serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku.
- 7.4.2 Selanjutnya, Pegawai IGU akan menyediakan laporan awal untuk penilaian Jawatankuasa Penilai Aduan/Ketua IGU dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh Pegawai IGU menerima maklumat / Pendedahan itu.
- 7.4.3 Satu Pendedahan boleh dibuat secara terus kepada Ketua IGU dalam antara mana-mana dua situasi berikut:
- a. Bila mana Pendedahan itu melibatkan kesalahan / salah laku oleh Pegawai IGU; atau
 - b. Bila mana Pendedahan itu tidak melibatkan Pegawai IGU tetapi Pemberi Maklumat percaya bahawa Pegawai IGU ada kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan / salah laku dalam pendedahan tersebut.
 - c. Dalam mana-mana dua situasi di atas, Ketua IGU boleh mengecualikan Pegawai IGU daripada mengendalikan Pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian dan layak sebagai Pegawai Unit Siasatan Khas untuk mengendalikan Pendedahan tersebut dan melindungi Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini.
- 7.4.4 Sekiranya Pendedahan melibatkan Ketua IGU, Pemberi Maklumat boleh menyalurkan maklumat kepada Pegawai IGU dan Pegawai IGU hendaklah terus menyalurkan maklumat / Pendedahan kepada Pengerusi BIGC IWK, tanpa perlu merujuk kepada Ketua IGU terlebih dahulu. Selanjutnya, Pengerusi BIGC IWK bolehlah

mengarahkan Pegawai IGU tersebut untuk terus mengambil tindakan sebagaimana peruntukan di perenggan 7.4.2; dan

7.4.5 serta mengecualikan sepenuhnya Ketua Unit Integriti & Governans dalam kesemua proses tersebut sehingga Pendedahan tersebut diputuskan oleh BIGC (sehingga selesai).

7.5 Rujukan kepada BIGC

7.5.1 Berikutan perenggan 7.4.2 di atas, pendedahan yang disertakan dengan laporan awal akan dirujuk oleh Pegawai IGU kepada Ketua IGU. Ketua IGU boleh mendedahkan laporan awal kepada BIGC sekiranya perlu. BIGC terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah terpilih, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua IGU yang mengetuai empat (4) Fungsi Teras (Tadbir Urus, Peningkatan Integriti, Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesanan) dalam IGU. BIGC mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- a. Pendedahan ditolak kerana tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi;
- b. Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
- c. Penyelesaian/keputusan berdasarkan laporan awal oleh Pegawai Unit Integriti & Governans di perenggan 7.4.2 di atas tanpa perlu untuk satu penyiasatan lanjut;
- d. Mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas Pendedahan tersebut;
- e. Memutuskan tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang akan diambil ke atas warga IWK tersebut, di mana hukuman yang akan dikenakan termasuk tindakan disiplin, amaran atau teguran formal, penurunan pangkat, pertukaran penempatan penggantungan atau diberhentikan perkhidmatannya dari IWK atau jenis hukuman yang lain termasuk dalam bentuk kewangan;
- f. Rujukan kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa yang

berkaitan. Bagi pertimbangan di bawah perenggan ini –

- i. sekiranya BIGC berpuas hati dan memutuskan Pendedahan / maklumat yang diterima adalah terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, BIGC hendaklah merujuk Pendedahan tersebut dan segala maklumat yang berkaitan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan contohnya pihak PDRM / SPRM / SPAN dan lain-lain; atau
- ii. Lain-lain tindakan yang difikirkan wajar dan bersesuaian oleh BIGC. Contohnya keputusan berhubung Pendedahan / maklumat melibatkan pengurusan tertinggi IWK.

7.6 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat

7.6.1 Pemberi Maklumat dan orang yang terlibat dalam Pendedahan tersebut hendaklah diminta untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut Polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu BIGC dalam proses untuk membuat keputusan.

7.6.2 Pemberi Maklumat juga bolehlah dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status Pendedahan yang telah dibuat.

8. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Saluran Pendedahan Maklumat IWK (Whistle Blowing Channel)

- i) Telefon : 03-2780 1295
- ii) Emel : whistle@iwk.com.my
- iii) Hantar Borang Pemberi Maklumat kepada Ketua Unit Integriti & Governans
- iv) Hantar Borang Pemberi Maklumat melalui <https://www.iwk.com.my> atau IWK Mobile App

- v) Hadir dan Bertemu di :
Unit Integriti & Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
No.1, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur


9. PENUTUP

Polisi Rujukan Kepada Pihak Berkuasa membuktikan IWK sentiasa komited, telus dan tidak akan berkompromi dengan sebarang perlakuan jenayah selain mencerminkan keterbukaan IWK bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan pembedungan di Malaysia.

IGU dibenarkan untuk membuat garis panduan bersesuaian bagi maksud baik pengurusan polisi ini.

RAJAH 1

CARTA ALIRAN PROSEDUR PENGURUSAN PENDEDAHAN DI BAWAH POLISI RUJUKAN KEPADA PIHAK BERKUASA

Aktiviti	Tanggung jawab	Rekod
 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> A1[1. Pegawai IGU menerima Pendedahan] A1 --> D2{2. Hadir?} D2 -- Tidak --> A2a[2a. Hubungi Pemberi Maklumat untuk tampil ke hadapan/untuk temu janji] D2 -- Ya --> A2b[2b. Rekodkan pendedahan secara bertulis dan berikan nombor rujukan (Pemberi maklumat mendapat perlindungan)] A2a --> A2b A2b --> D3{3. Kenal pasti dan tentukan bahawa Pendedahan terletak di bawah bidang kuasa IWK?} D3 -- Tidak --> A3a[3a. Di luar bidang kuasa IWK, rujuk Pemberi Maklumat kepada Jabatan yang berkaitan] D3 -- Ya --> D4{Penilaian?} D4 -- Tanpa Merit --> A5[5. Maklumkan kepada Pemberi Maklumat] D4 -- Ada Merit --> A3b[3b. Jalankan siasatan dalam/ tetap & sediakan laporan dengan cadangan] A3b --> A3c[Lapor kepada JMM & BIGC] A3c --> D5{4. Keputusan?} D5 -- Tanpa Merit --> A5 D5 -- Ada Merit --> A4a[4a. Tindakan Tatatertib untuk kakitangan – Rujuk HCAD] D5 -- Ada Merit --> A4b[4b. Kesalahan Jenayah – Rujuk PDRM] D5 -- Ada Merit --> A4c[4c. Caj Rasuah – Rujuk SPRM] A4a --> A5 A4b --> A5 A4c --> A5 A5 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	<p>Pegawai IGU</p> <p>Pegawai IGU</p> <p>Jawatan Kuasa Menilai Maklumat (JMM)</p> <p>Pegawai Penyiasat</p> <p>Jawatan Kuasa Menilai Maklumat (JMM)</p>	<p>1. Pemberi maklumat membuat pendedahan melalui: i. Emel ke whistle@iwk.com.my; ii. Borang Whistle Blowing (Dalam Talian atau Luar Talian); atau iii. Telefon di talian 03-27801295 iv. Hadir.</p> <p>Pegawai IGU mendaftarkan rekod Pendedahan Maklumat. 2a. Pegawai IGU menghubungi pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan dan memaklumkan status kepada pemberi maklumat. 2b. Pegawai IGU bertemu pemberi maklumat untuk merekod dan memberikan nombor rujukan aduan.</p> <p>3. JMM IGU menentukan samada pendedahan adalah di bawah bidang kuasa IWK. 3a. Sekiranya didapati ia bukan di bawah bidang kuasa IWK, ia dirujuk kepada jabatan berkaitan untuk menjawab dan memaklumkan pemberi maklumat. 3b. Jika didapati ia berkaitan dengan IWK maka siasatan, akan dijalankan oleh penyiasat dan melaporkan kepada JMM, BIGC dan memaklumkan kepada pemberi maklumat.</p> <p>4. Berdasarkan hasil penyiasatan JMM kemudiannya akan memutuskan syor dengan pilihan berikut: 4a. Kakitangan yang terlibat akan dirujuk kepada HCAD 4b. Sebarang Kesalahan Jenayah akan dirujuk kepada PDRM. Buat Laporan Polis. 4c. Sebarang Pertuduhan</p>

Aktiviti	Tanggung jawab	Rekod
	Pegawai IGU	Rasuah akan dirujuk kepada SPRM 5. IGU akan memaklumkan status kepada Pemberi maklumat